



5

UNDANG² MALAYSIA

Act 6

KEWANGAN
ACT SHARIKAT² ~~MEMINJAM~~, 1969

Tarikh Persetujuan di-Raja 22hb April, 1969

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* ... 1hb Mei, 1969

UNDANG² MALAYSIA

Act 6

ACT SHARIKAT² ^{KEWANGSAAN} MEMINJAM, 1969

SUSUNAN SEKSHEN²

BAHAGIAN I PERMULAAN

Sekshen

1. Nama.
2. Tafsiran.
3. Hanya sharikat meminjam berlesen sahaja boleh menjalankan
perniagaan meminjam.
- 3A.
4. Perniagaan yang lain daripada perniagaan meminjam di-larang. ← AA 454
5. Deposit hendak-lah bagi tempoh minima sahaja.
6. Sharikat meminjam berlesen di-larang menjalankan perniagaan tertentu.

BAHAGIAN II PENTADBIRAN

7. Syarat² permohonan dan pemberian lesen.
8. Menteri boleh menggantung atau membatalkan lesen.
9. Bayaran lesen.
10. Penubohan sharikat-pechahan kepunyaan-penoh.
11. Pembukaan pejabat².
12. Bank Negara hendak-lah menyiarkan senarai sharikat² meminjam berlesen.
13. Nama hendak-lah di-tunjokkan pada semua pejabat.
14. Perubahan memorandum atau tata-urusan.

BAHAGIAN III KEWANGAN

15. Menyenggara kumpulan wang chadang.
16. Menunjok dan menyiarkan akaun.
17. Sekatan atas pembayaran dividen.
18. Penyenggaraan sa-jumlah minima aset kechairan.
19. Had maksima mengenai pemegangan aset berbahaya.

[Susunan Sekshen²]

4

ACT 6

Sekshen

20. Pinjaman dsb. yang tak berchagar tidak boleh lebeh daripada lima ribu ringgit.
- AA635
Act 330 → 21. Pinjaman kepada pengarah² di-larang.
22. Sekatan atas pelaburan.
23. Bank Negara boleh mengambil tindakan jika pendahuluan bertentangan dengan kepentingan² pendeposit.
24. Pernyataan mengenai tanggongan dan aset pejabat² hendak-lah di-beri.
25. Ma'alumat dan butir² hendak-lah di-beri.
26. Sharikat meminjam berlesen hendak-lah memberitahu Bank Negara tentang kedudukan kewangan-nya yang tidak setabil.
27. Juru odit sharikat yang di-luluskan hendak-lah juga di-luluskan oleh Mentri.
28. Keizinan ada-lah di-kehendaki untok menyusun sa-mula, dsb. sharikat.
- AA635 → 28A, 28B, 28C -----

BAHAGIAN IV

PENYIASATAN DAN PENGAWALAN

29. Memeriksa orang² yang di-shaki menerima deposit dengan tiada berlesen.
30. Bank Negara boleh menyiasat sharikat² meminjam berlesen.
31. Penyiasatan khas mengenai sharikat² meminjam berlesen.
32. Mengemukakan buku², akaun² dan suratan².
33. Tindakan oleh Bank Negara jika sharikat meminjam berlesen tidak berupaya menunaikan tanggongan² atau jika ia menjalankan perniagaan yang boleh mendatangkan mudharat kepada pendeposit², dll.
- AA635 → 33A. -----
34. Pengawalan sharikat meminjam berlesen oleh Bank Negara.
35. Sharikat meminjam berlesen di-bawah kawalan Bank Negara hendak-lah bekerjasama dengan Bank Negara.
36. Bidangkuasa di-perluaskan supaya termasuk sharikat²-pechahan bagi sharikat meminjam berlesen.
37. Arahan² oleh Bank Negara.

BAHAGIAN V

PELBAGAI DAN PERALEHAN

38. Gantirugi.
39. Hilang kelayakan pegawai² sharikat meminjam berlesen.
40. Pengarah, Pengurus bertanggung-jawab atas pematohan Act.
41. Kesalahan² oleh perbadanan: pegawai² di-sifatkan sa-bagai melakukan kesalahan.

Sekshen

42. Prinsipal bertanggung dari segi jenayah atas perbuatan pengkhidmat atau ejen.
43. Penalti bagi kesalahan² yang tidak ada di-buat peruntukan.
44. Bidangkuasa.
45. Peratoran.
46. Pengechualian.
47. Perbadanan², dsb., boleh menjalankan perniagaan meminjam dengan tiada berlesen dalam tempoh peralehan.
48. Perbadanan², dsb., hendak-lah memberi ma'alumat apabila Act mula berkuatkuasa.
49. Act ini hendak-lah di-pakai.
50. Pindaan Act Sharikat, 1965.

← AA 368

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

Am: PU (B) 697/76
7 AA 368/77
AA 454/79
Act 276/83
AA 63/86
Act 330

UNDANG² MALAYSIA

Act 6

KEMANGAN

ACT SHARIKAT² MEMINJAM, 1969

Suatu Act bagi mengator dan mengawal kegiatan² sharikat² meminjam.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Sharikat² Meminjam, *Nama.* 1969, dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta.*

2. Dalam Act ini, melainkan jika kandungan ayat-nya *Tafsiran.* menghendaki ma'ana yang lain—

“bank” erti-nya suatu bank yang di-lesen *dibawah Akta Bank* untuk men-
~~jalankan perniagaan bank dalam Persekutuan;~~ *1973 atau sesuatu*
bank Islam yang di-lesen dibawah Akta Bank Islam 1983;

akta 276

“Bank Negara” erti-nya Bank Negara Malaysia yang di-tuboh di-bawah Ordinance Bank Negara Malaysia, 1958;

“lesen” erti-nya lesen yang di-beri di-bawah Act ini untuk membolehkan sa-sabuah sharikat awam menjalankan perniagaan meminjam;

“matawang asing” erti-nya apa² matawang yang lain daripada matawang—

(a) Persekutuan; atau

(b) yang di-sifatkan sa-bagai boleh bertukarganti dengan matawang Persekutuan berdasarkan apa² perjanjian atau perkiraan yang di-buat di-antara Bank Negara dengan mana² pehak-berkuasa wang sa-buah negeri lain;

“Mentri” erti-nya Mentri yang bertanggungjawab bagi kewangan;

“pendeposit” erti-nya sa-saorang yang mendepositkan wang dengan atau yang meminjamkan wang kapada sa-sabuah sharikat meminjam berlesen;

79/65.

“perbadanan” erti-nya perbadanan sa-bagaimana di-ta’arif dalam Act Sharikat, 1965;

AA635

“perniagaan ^{kewangan} meminjam” erti-nya—

↳ disebut
AA635

(a) penerimaan apa² wang sa-bagai deposit atau pinjaman oleh sa-saorang (dalam ta’arif ini ^{di-rujuk} sa-bagai “peminjam”) daripada lebeh daripada sa-puluh orang dalam mana peminjam ada-lah bertanggung (sama ada tanggungan itu pada masa sekarang atau pada masa akan datang) membayar balek wang tersebut kapada orang² itu; dan

(b) (i) meminjamkan; atau

(ii) pelaburan

wang² peminjam oleh peminjam, ejen²-nya atau pengkhidmat²-nya (dan jika peminjam itu sa-buah sharikat, termasuk-lah ~~sharikat² pechahan kepunyaan penoh-nya~~);

↳ subsidiari-subsiari
milikan perusaha
AA635

“sharikat” erti-nya sa-sabuah sharikat sa-bagaimana di-ta’arif dalam Act Sharikat, 1965;

“sharikat asing” erti-nya sa-sabuah sharikat asing sa-bagaimana di-ta’arif dalam Act Sharikat, 1965;

“sharikat awam” erti-nya sa-sabuah sharikat awam sa-bagaimana di-ta’arif dalam Act Sharikat, 1965;

“sharikat meminjam” erti-nya sa-sabuah sharikat yang menjalankan perniagaan meminjam;

“tanggungan deposit” erti-nya tanggungan sa-sabuah sharikat meminjam berlesen untuk membayar balek apa² wang yang telah di-terima oleh-nya sa-bagai deposit atau pinjaman daripada sa-saorang melainkan sa-sabuah bank berlesen.

Hanya sharikat meminjam berlesen sahaja boleh menjalankan perniagaan meminjam.

3. (1) Terta’alok kapada Act ini dan walau apa pun peruntukan² Act Sharikat, 1965 berhubong dengan perbadanan² meminjam tiada sa-saorang jua boleh menjalankan perniagaan meminjam melainkan ia ada-lah—

(a) sa-buah sharikat awam; dan

(b) sa-buah sharikat meminjam berlesen.

(2) Sa-siapa melanggar peruntukan² sekshen-kechil (1) ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada ~~lima~~ ^{3A} ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada tiga tahun atau kedua²-nya.

Ldua puluh
AA635
AA 454

4. Sa-sabuah sharikat meminjam berlesen tidak boleh menjalankan apa² jenis perniagaan yang lain daripada perniagaan meminjam.

Perniagaan yang lain daripada perniagaan meminjam di-larang.

5. Jika sa-sabuah sharikat meminjam berlesen menerima apa² wang sa-bagai deposit atau pinjaman maka wang itu hendak-lah di-bayar balek apabila habis tempoh minima yang di-tetapkan oleh Bank Negara dari sa-masa ka-samasa.

Deposit hendak-lah bagi tempoh minima sahaja.

6. Tiada-lah apa² jua dalam Act ini boleh membenarkan sa-sabuah sharikat meminjam berlesen—

Sharikat meminjam berlesen di-larang menjalankan perniagaan tertentu

(a) menerima apa² wang sa-bagai deposit atau pinjaman yang apabila di-minta, boleh di-bayar balek dengan chek, deraf, perintah atau apa² surat-chara lain di-keluarkan oleh pendeposit daripada akaun sharikat meminjam berlesen itu; atau

(b) memperniagakan—

(i) mas; atau

(ii) matawang asing.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

7. (1) Sa-belum sa-sabuah sharikat awam menjalankan perniagaan meminjam sharikat itu hendak-lah memohon dengan bertulis kepada Menteri melalui Bank Negara untuk suatu lesen dan hendak-lah memberi kepada Bank Negara—

Sharat² permohonan dan pemberian lesen.

(a) satu salinan memorandam dan ~~tata-urusan-nya~~ yang di-perakui benar;

Perkara persahannya
AA635

(b) satu salinan perakuan perbadanan-nya yang di-perakui benar;

(c) satu salinan kunchi kira²-nya yang akhir dan yang telah di-odit dengan sempurna-nya yang di-perakui benar; dan

(d) apa² ma'alumat bertulis lain sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Bank Negara

yang telah di-perakui oleh sa-orang pengarah atau setia-usaha sharikat itu.

(2) Apabila menerima suatu permohonan di-bawah sekshen-kechil (1) Bank Negara hendak-lah menimbangkan permohonan itu dan membuat sa-suatu shor kapada Mentri menyatakan sama ada atau tidak suatu lesen patut di-beri kapada sharikat itu dan syarat² (jika ada) yang di-kehendaki di-kenakan terhadap lesen itu.

(3) Apabila menerima permohonan dan shor itu Mentri boleh-lah memberi suatu lesen kapada sharikat awam itu dengan atau dengan tiada bersyarat jika modal yang telah di-bayar dengan wang tunai bagi sharikat awam itu (tidak terchachat oleh kerugian atau lain²) tidak kurang daripada satu juta ringgit Malaysia.

(4) Walau apa pun peruntokan² yang berlawan dalam sekshen ini, sa-sabuah sharikat awam boleh menjalankan perniagaan meminjam dengan tiada berlesen jika—

- (a) (i) sharikat awam itu di-tubuhkan bagi maksud membiayai kemajuan ekonomi atau perusahaan dalam mana Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sa-sabuah Negeri ada (pada pendapat Mentri) kepentingan matan sa-bagai sa-orang pemegang-shir; dan
- (ii) sharikat awam itu di-kechualikan oleh Mentri atas shor Bank Negara;
- (b) sharikat awam itu menjalankan tugas² perniagaan diskaun; atau
- (c) dibencher-nya telah di-luluskan oleh Bank Negara terta'alok kapada apa² syarat sa-bagaimana yang di-fikirkan patut di-kenakan oleh Bank Negara.

Mentri boleh meng-gantong atau membatalkan lesen.

8. (1) Apabila sa-sabuah sharikat meminjam berlesen—

- (a) menjalankan perniagaan-nya mengikut chara yang, pada pendapat Bank Negara, mendatangkan mudharat kapada kepentingan pendeposit²-nya;
- (b) tidak mempunyai aset yang chukup untok meliputi tanggungan²-nya kapada pendeposit²-nya;
- (c) menjalankan perniagaan sa-masa modal-nya yang telah di-bayar (tidak terchachat oleh kerugian atau lain²) kurang daripada satu juta ringgit Malaysia; atau

(d) melanggar mana² peruntokan Act ini atau peruntokan mana² peratoran yang di-buat di-bawahnya,

maka Mentri boleh, atas shor Bank Negara, membatalkan atau menggantung lesen sharikat meminjam berlesen itu terta'alok kepada apa² syarat dan sekatan sa-bagaimana yang di-fikirkan patut di-kenakan oleh Mentri, akan tetapi sa-belum Mentri menggantung atau membatalkan lesen itu, ia hendak-lah memberitahu sharikat meminjam itu dengan bertulis—

- (i) tentang chadangan-nya hendak berbuat demikian; dan
- (ii) bahawa sharikat itu boleh mengemukakan sebab² bertulis kepada Mentri (dalam tempoh dua minggu sa-lepas di-beritahu sa-demikian) mengapa lesen-nya tidak patut di-batalkan atau di-gantung.

(2) Keputusan Mentri ada-lah mu'tamad dan tidak-lah terta'alok kepada rayuan atau kepada ulangkaji dalam mana² mahkamah.

(3) Apabila lesen sa-sabua sharikat meminjam telah di-batalkan atau di-gantung menurut sekshen-kechil (1) sharikat meminjam itu hendak-lah dengan serta merta berhenti mengguna atau menunjukkan dengan apa² chara perkataan² "sharikat meminjam berlesen".

(4) Mana² sharikat meminjam yang mungkir mematohi peruntokan² sekshen-kechil (3) ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda/tidak lebeh daripada lima ratus ringgit bagi tiap² hari kesalahan itu berterusan.

9. (1) Tiap² sharikat meminjam berlesen (termasok sharikat meminjam yang lesen-nya di-gantung) hendak-lah membayar kepada Bank Negara—

- (a) suatu bayaran lesen apabila ia di-beri suatu lesen dan juga suatu bayaran bagi tiap² sa-buah pejabat atau tempat perniagaan (yang lain daripada tempat perniagaan utama-nya) apabila pejabat atau tempat perniagaan itu di-tubuhkan;
- (b) suatu bayaran lesen tahunan bagi sharikat meminjam berlesen sa-lain dari bayaran yang di-perihalkan dalam perenggan (a) tidak lewat daripada 31 haribulan Januari; dan

Bayaran
lesen.

*dua puluh
AAG35
tidak lebih dari
pada dua ribu
ringgit dan denda
AAG35*

AA635

(c) suatu bayaran tahunan bagi tiap² ~~sa-buah~~^{satu} pejabat atau tempat perniagaan (yang lain daripada tempat perniagaan utama-nya) tidak lewat daripada 31 haribulan Januari;

mengikut kadar² yang di-tetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Menteri boleh melalui pemberitahu dalam *Warta* meminda Jadual Pertama itu.

AA636

Penubuhan
sharikat-
pechahan
kepunyaan-
penoh.

10. Tiada ~~sa-sabua~~^{salah} sharikat meminjam berlesen boleh menubuhkan sa-suatu ~~sharikat-pechahan~~ melainkan jika—

(a) ~~sharikat-pechahan~~ itu ada-lah ~~sharikat-pechahan~~ ~~kepunyaan-penoh-nya~~;

(b) ~~sharikat-pechahan~~ itu di-perbadankan dalam Persekutuan; dan

(c) persetujuan bertulis telah di-dapati terlebih dahulu daripada Bank Negara.

subsidari milikan
peruhnya

AA635

subsidari

AA635

AA635

Pembukaan
pejabat².

11. Tiada ~~sa-sabua~~^{salah} sharikat meminjam berlesen boleh membuka apa² pejabat atau tempat perniagaan—

(a) di-luar Persekutuan; atau

(b) di-dalam Persekutuan dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Bank Negara.

Bank
Negara
hendak-lah
menyiarkan
senarai
sharikat²
meminjam
berlesen.

12. Bank Negara hendak-lah menyiarkan dalam *Warta*—

(a) pada tiap² tahun tidak lewat daripada 31 haribulan Mach nama² sharikat meminjam berlesen;

(b) nama² sharikat meminjam berlesen yang di-beri lesen sa-lepas nama² itu di-siarkan menurut perenggan (a); dan

(c) nama² sharikat meminjam berlesen yang di-gantung atau di-batal lesen-nya.

Nama
hendak-lah
di-tunjokkan
pada semua
pejabat.

13. (1) Tiap² sharikat meminjam berlesen hendak-lah mengechat dan menampal dan memperhatikan supaya sentiasa terchat atau tertampal di-sabelah luar tiap² pejabat atau tempat perniagaan pada suatu tempat yang mudah dilihat dan dengan mudah boleh di-bacha nama-nya dalam Bahasa Kebangsaan dan perkataan² “sharikat meminjam berlesen”.

(2) Sa-sabua sharikat meminjam berlesen yang mungkir mematohi peruntukan² sekshen-kechil (1) ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah dikenakan denda tidak lebeh daripada ~~lima-ratus~~ ringgit bagi tiap² hari kesalahan itu berterusan.

dua ribu

AA635

14. Apabila sa-sabuah sharikat meminjam berlesen mengubah memorandam atau ~~tata-urusan-nya~~ menurut peruntukan² yang berkaitan dalam Act Sharikat, 1965 (mengikut mana yang berkenaan) sharikat itu hendaklah dalam tempoh satu bulan sa-lepas perubahan itu memberitahu Bank Negara tentang perubahan itu dan memberi kepada Bank Negara satu salinan memorandam atau ~~tata-urusan-nya~~ yang di-perakui benar sa-bagaimana di-ubah dan di-perakui oleh sa-orang pengarah atau setia-usaha sharikat itu.

Perubahan
memoran-
dam atau
~~tata-urusan.~~

↳ perkara persahuan
AA635

↳ perkara persahuan
nya
AA635

BAHAGIAN III

KEWANGAN

15. Tiap² sharikat meminjam berlesen hendaklah—

(a) menyenggara suatu kumpulan wang ~~chadang~~; dan

Menyeng-
gara kum-
pulan wang
~~chadang.~~

(b) sa-belum sa-suatu dividen di-ishtiharkan, memin-
dahkan kepada kumpulan wang ~~chadang~~ dari-
pada keuntongan berseh tiap² satu tahun (sa-telah
peruntukan yang sa-patut-nya di-buat untuk
chukai)—

↳ L12ab
AA635

(i) sa-jumlah wang yang banyak-nya tidak
kurang daripada lima puluh peratus dari-
pada keuntongan berseh itu jika sa-kira-
nya kumpulan wang ~~chadang~~ itu kurang
daripada lima puluh peratus daripada
modal-nya yang telah di-bayar; dan

(ii) sa-jumlah wang yang banyak-nya tidak
kurang daripada dua puluh lima peratus
daripada keuntongan berseh itu jika sa-
kira-nya kumpulan wang ~~chadang~~ itu
tidak kurang daripada lima puluh peratus
tetapi kurang daripada sa-ratus peratus
daripada modal-nya yang telah di-bayar.

16. (1) Tiap² sharikat meminjam berlesen hendaklah—

(a) menunjok pada suatu tempat yang mudah di-lihat
di-tiap² pejabat atau tempat perniagaan—

Menunjuk
dan menyiar-
kan akaun. 2b.AA635

(i) satu salinan kunchi kira²-nya yang akhir
dan yang telah di-odit dengan sempurna-
nya; dan

(ii) nama penoh semua pengarah-nya;

- (b) dalam tempoh enam bulan sa-lepas tahun kewangan-nya di-tutup menghantar kepada Bank Negara dua salinan kunchi kira²-nya yang akhir dan yang telah di-odit dengan sempurna-nya dan juga dua salinan akaun untong rugi-nya; dan
- (c) menyiarkan dalam tempoh empat belas hari sa-lepas akaun²-nya di-bentang di-hadapan sharikat dalam meshuarat agong tahunan-nya satu salinan kunchi kira²-nya yang akhir dan yang telah di-odit dengan sempurna-nya dalam sa-kurang²-nya dua akhbar harian tempatan ia-itu satu dalam Bahasa Kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris.

(2) Mana² sharikat meminjam berlesen yang mungkir mematohi peruntokan² sekshen ini ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit.

AAG 35

Sekatan atas pembayaran dividen.

17. Tiada ^{Sabtu} sa-sabtuah sharikat meminjam berlesen boleh membayar apa² dividen atas shir²-nya sa-hingga semua perbelanjaan yang di-jadikan-nya modal (termasok perbelanjaan permulaan, perbelanjaan menyusun, kamsen menjual shir, bayaran berokar, ^{Jumlah} jumlah kerugian yang di-tanggung dan apa² butiran perbelanjaan yang tidak berupa aset zahir) telah di-hapuskan semua sa-kali.

Laman
AAG 35

AAG 35

Penyenggaraan sa-jumlah minima aset kechairan cair

AAG 35

18. (1) Tiap² sharikat meminjam berlesen hendak-lah menyenggara sa-jumlah minima aset ^{Cair} kechairan sa-bagaimana yang di-tetapkan dari sa-masa ka-samasa oleh Bank Negara melalui notis bertulis kepada sharikat meminjam itu.

AAG 35

(2) ^{Aman} Jumlah minima aset kechairan hendak-lah di-nyatakan sa-bagai sa-suatu peratus daripada tanggungan deposit tiap² sharikat meminjam berlesen dan peratus itu boleh di-ubah oleh Bank Negara dari sa-masa ka-samasa melalui notis bertulis kepada tiap² sharikat meminjam berlesen.

L AA 454

(3) Apabila Bank Negara mengeluarkan suatu notis dibawah sekshen-kechil (1) tiap² ^{8/10} sa-bituah sharikat meminjam berlesen hendak-lah di-benarkan suatu tempoh tidak kurang daripada satu minggu (sa-bagaimana di-nyatakan dalam notis itu) untok-nya mematohi kehendak² notis itu.

AAG 35

(4) Jika sa-sabtuah sharikat meminjam berlesen mungkir mematohi kehendak² notis itu maka sharikat itu tidak-lah boleh meminjamkan apa² wang kepada sa-siapa jua melainkan ia mendapat kelulusan bertulis daripada Bank Negara.

AAG 35 →

(5) & (6) ---

(7)(5) Bagi maksud² sekshen ini aset kechairan ia-lah:

- (a) wang kertas dan duit yang sah di-perlakukan dalam Persekutuan;
- (b) deposit dan baki akaun sa-masa yang di-pegang oleh (sa-lepas di-tolak apa² pinjaman dan pendahuluan daripada) mana² bank dalam Persekutuan;
- (c) wang yang kena di-bayar apabila di-minta dalam Persekutuan;
- (d) bil² Perbendaharaan yang di-keluarkan oleh Kerajaan atau oleh Kerajaan bagi mana² Negeri yang di-berikuasa mengeluarkan bil² Perbendaharaan; atau
- (e) lain² aset yang dari sa-masa ka-samasa di-luluskan oleh Mentri atas shor Bank Negara.

(8)(6) Bank Negara boleh, dengan notis bertulis, menghendaki mana² sharikat meminjam berlesen menyedia dan menghantar apa² penyata sa-bagaimana yang di-fikirkan perlu bagi maksud² sekshen ini dan sekshen 19.

19. (1) Tiada sa-sabuah sharikat meminjam berlesen boleh memegang aset berbahaya lebeh daripada sa-puluh kali ganda banyak-nya daripada modal-nya yang telah di-bayar beserta wang chadangan-nya sa-bagaimana tersiar dalam kunchi kira²-nya yang akhir dan yang telah di-odit dengan sempurna-nya.

(2) Bagi maksud sekshen ini "aset berbahaya" erti-nya aset yang lain daripada aset kechairan dan rizab-nya yang di-pegang dalam Bank Negara menurut sekshen 37 (c).

20. (1) Sa-sabuah sharikat meminjam berlesen tidak boleh memberi kepada sa-siapa sa-suatu kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan tak berchagar yang kesemuanya berjumlah pada mana² satu masa lebeh daripada lima ribu ringgit.

(2) Dalam sekshen-kechil (1), ^{ungkapan} ~~perbendaharaan~~ "kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan tak berchagar" erti-nya—

- (a) kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan yang di-buat dengan tiada chagaran; atau

A/AA 454

Sub. AA 368

Had maksima mengenai pemegangan aset berbahaya.

Sub. AA 365

Pinjaman dsb. yang tak berchagar tidak boleh lebeh daripada lima ribu ringgit.

AA 365

(b) kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan yang berchagarkan hanya satu gerenti atau beberapa gerenti sahaja atau

A77454

(c) sa-sabahagian kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan yang berchagarkan aset zahir yang lebeh daripada—

AG35
Laman
AG35

(i) bagi gadaian harta yang tak ^{alix} boleh di-aleh, jumlah di-gadaikan atau nilai pasar harta yang di-gadaikan itu, mengikut mana yang kurang; atau

(ii) nilai pasar mana² harta yang lain daripada harta yang tak boleh di-aleh

Lilik
AG35

akan tetapi jika sa-kira-nya Bank Negara berpuashati bahawa tiada apa² nilai pasar yang tetap, nilai yang di-luluskan oleh Bank Negara.

(3) Semua pengarah bagi sa-sabuaah sharikat meminjam berlesen ada-lah bertanggung bersesama dan masing²-nya untok menggantirugi sharikat meminjam berlesen itu terhadap apa² kerugian yang berbangkit daripada memberi sa-suatu kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan tak berchagar bertentangan dengan sekshen-kechil (1).

Subs. Act 330
Pinjaman
kapada
pengarah²
di-larang.

21. (1) Sa-sabuaah sharikat meminjam berlesen tidak boleh meminjamkan apa² wang atau memberi apa² kemudahan kredit atau pendahuluan kapada mana² pengarah-nya.

(2) Bagi maksud sekshen ini dan sekshen 23 sa-saorang "pengarah" hendak-lah di-sifatkan sa-bagai termasuk isteri, suami, bapa, ibu, anak lelaki atau anak perempuan sa-saorang pengarah.

AG35 → 21A. ---
Act 330 → 21B. ---
Sekatan²
atas
pelaboran.

22. (1) Kechuali dengan persetujuan bertulis Bank Negara tiada sa-sabuaah sharikat meminjam berlesen boleh memperoleh—

Lampiran
AG35
AG35

- (a) shir mana² perbadanan;
- (b) harta tak ^{alix} boleh di-aleh; atau
- (c) apa² kepentingan berfaedah dalam mana² firma.

AG35

(2) Sekshen-kechil (1) tidak-lah di-pakai bagi apa² shir, harta tak boleh di-aleh atau kepentingan berfaedah yang di-perolehi oleh sharikat meminjam berlesen pada men-jelaskan hutang² yang kena di-bayar kapada-nya.

(3) Apa² shir, harta tak ^{alih} ~~boleh di-alih~~ atau kepentingan berfaedah yang di-perolehi menurut sekshen-kechil (2) hendak-lah di-lepaskan dengan sa-berapa segera yang boleh tetapi tidak lewat daripada satu tahun atau daripada sa-suatu tempoh yang lebeh lama sa-bagaimana yang di-benarkan oleh Bank Negara dalam sa-suatu hal yang tertentu mulai dari tarikh shir², harta tak ^{alih} ~~boleh di-alih~~ atau kepentingan berfaedah itu telah di-perolehi.

AA635

AA635

23. (1) Tiap² sharikat meminjam berlesen hendak-lah menghantar kepada Bank Negara, tidak lewat daripada lima belas hari sa-lepas hari akhir dalam tiap² satu bulan, suatu pernyataan mengikut borang yang di-tetapkan oleh Bank Negara menunjukkan butir² apa² kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan yang di-beri oleh-nya kepada—

Bank Negara boleh mengambil tindakan jika pendahuluan bertentangan dengan kepentingan² pendeposit.

(a) mana² pengarah-nya sa-bagaimana di-ta'arif dalam sekshen 21 dan terta'alok kepada sekshen itu;

D/Act 330

(b) mana² firma dalam mana ia, atau mana² pengarah-nya (sa-bagaimana di-ta'arif dalam sekshen 21), ada mempunyai kepentingan sa-bagai ~~pengkongsi~~, pengurus atau ejen atau mana² ~~orang per-~~ ~~saorangan~~ atau firma yang bagi-nya mana² pengarah sharikat itu menjadi penggerenti;

AA635

Individu

AA635

(c) mana² sharikat-pechahan-nya atau sharikat yang berkaitan dengan-nya;

~~(d) mana² pegawai atau pekerja-nya;~~

D/Act 330

(e) mana² perbadanan sendirian atau perbadanan awam dalam mana sharikat itu, atau mana² pengarah (sa-bagaimana di-ta'arif dalam sekshen 21), pegawai atau pekerja-nya, ada mempunyai kepentingan sa-bagai sa-orang pengarah, pengurus, ejen atau penggerenti;

Subs. Act 330

(f) mana² ^{individu} ~~orang per-~~ ~~saorangan~~ yang mengenai-nya atau mana² firma atau perbadanan dalam mana mana² pengarah sharikat itu ada mempunyai kepentingan sama ada sa-chara langsung atau sa-chara tak langsung melainkan kemudahan² kredit, pinjaman dan pendahuluan yang butir²-nya telah di-beri menurut perenggan (a) hingga (e).

AA635

(2) Jika, apabila mempereksa butir² yang di-beri oleh sa-sabuah sharikat meminjam berlesen di-bawah sekshen-kechil (1), Bank Negara berpendapat bahawa apa² kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan ada-lah

di-beri dengan memudharatkan kepentingan pendeposit² sharikat meminjam berlesen itu maka Bank Negara boleh dengan perintah bertulis kepada sharikat meminjam berlesen itu melarang sharikat itu daripada memberi apa² kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan lagi atau mengenakan apa² sekatan atas pemberian kemudahan itu sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Bank Negara dan juga boleh sa-lanjut-nya memerintah sharikat meminjam berlesen itu supaya mendapatkan penjelasan mana² pinjaman itu dalam sa-suatu tempoh dan dengan sa-banyak mana yang di-nyatakan dalam perintah itu.

Pernyataan mengenai tanggungan dan aset pejabat² hendak-lah di-beri.

24. (1) Tiap² sharikat meminjam berlesen hendak-lah menghantar kepada Bank Negara, tidak lewat daripada lima belas hari sa-lepas hari akhir dalam tiap² satu bulan, suatu pernyataan mengikut borang yang di-tetapkan oleh Bank Negara menunjukkan tanggungan dan aset pejabat²-nya dan lain² tempat perniagaan-nya pada masa perniagaan di-tutup pada hari akhir perniagaan dalam bulan yang terdahulu-nya.

(2) Mana² sharikat meminjam berlesen yang mungkir mematohi mana² peruntukan sekshen ini ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa⁴ribu ringgit bagi tiap² hari kesalahan itu berterusan.

Kembar
AA 635

Ma'alumat dan butir² hendak-lah di-beri.

25. (1) Tiap² sharikat meminjam berlesen hendak-lah memberi kepada Bank Negara pada bila² masa dan mengikut apa² chara sa-bagaimana di-tetapkan oleh Bank Negara, segala ma'alumat dan butir² yang di-kehendaki oleh Bank Negara untk menentukan penjalanan yang sa-patut akan tugas² sharikat itu di-bawah peruntukan² Act ini.

fungsi-fungsi
AA 635
AA 635

(2) (3) Mana² sharikat meminjam berlesen yang mungkir mematohi mana² peruntukan sekshen ini ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa⁴ribu ringgit bagi tiap² hari kesalahan itu berterusan.

Sharikat meminjam berlesen hendak-lah memberitahu Bank Negara tentang kedudukan kewangan-nya yang tidak setabil.

26. Jika ada kemungkinan sa-sabuah sharikat meminjam berlesen tidak akan berupaya menunaikan tanggungan²-nya atau akan menggantung pembayaran kepada siputang²-nya maka sharikat itu hendak-lah dengan serta merta memberitahu Bank Negara dengan bertulis mengenai mana² satu hal itu.

obligasi-obligasinya
AA 635

ipamutang-pemiatangnya
AA 635

27. (1) Tiap² sharikat meminjam berlesen hendak-lah melantek sa-orang juru odit pada tiap² tahun dan juru odit itu hendak-lah—

Juru odit sharikat yang di-luluskan hendak-lah juga di-luluskan oleh Mentri.

(a) sa-buah juru odit sharikat yang di-luluskan menurut sekshen 8 Act Sharikat, 1965; dan

(b) sa-lain daripada menjadi sa-buah juru odit sharikat yang di-luluskan menurut perenggan (a), ia ada-lah juga di-luluskan oleh Mentri bagi maksud² Act ini.

(2) Sekshen 30, 31 dan 32 hendak-lah di-pakai bagi sa-saorang juru odit yang di-lantek di-bawah sekshen ini sa-olah² ~~rujukan~~ mengenai Bank Negara di-ganti dengan rujukan mengenai juru odit.

Lsebutan
AA635

28. Tiap² sharikat meminjam berlesen hendak-lah memberitahu Mentri melalui Bank Negara mengenai apa²—

Keizinan ada-lah di-kehendaki untuk menyusun sa-mula dsb. sharikat.
Sub. AA635

(a) perkiraan yang di-chadangkan untuk menjual shir²-nya atau perniagaan-nya;

(b) (i) sekim yang di-chadangkan untuk menyusun sa-mula sharikat itu; atau

(ii) sekim yang di-chadangkan untuk penyatuan di-antara sharikat itu dengan mana² sharikat lain

dalam mana kesemua atau mana² bahagian usaha atau harta sharikat itu di-kehendaki di-pindahkan kapada sa-buah sharikat lain,

dan Mentri, atas pengeshoran Bank Negara, boleh meluluskan atau enggan membenarkan perkiraan atau sekim penyusunan sa-mula atau sekim penyatuan yang di-chadangkan itu.

J.P.A. → J.B. ---

← AA635

BAHAGIAN IV

PENYIASATAN DAN PENGAWALAN

29. Jika Bank Negara ada sebab mengeshaki bahawa sa-siapa jua ada menjalankan perniagaan meminjam dalam Persekutuan, Bank Negara boleh memeriksa, dengan syarat di-rahsiakan, buku², akaun² dan ~~urusan~~ orang itu bagi maksud menentukan sama ada orang itu telah melanggar peruntukan² sekshen 3 Act ini.

Memeriksa orang² yang di-shaki menerima deposit dengan tiada berlesen.

↳ transaksi-transaksi
AA635

Transaksi-transaksi
AA635

ACT 6

Bank Negara boleh menyiasat sharikat² meminjam berlesen.

30. Bank Negara boleh dari sa-masa ka-samasa menyiasat, dengan syarat di-rahsiakan, buku², akaun² dan urusan² mana² sharikat meminjam berlesen dan mana² pejabat atau tempat perniagaan-nya.

Penyiasatan khas mengenai sharikat² meminjam berlesen.

31. Menteri boleh pada bila² masa mengarah Bank Negara supaya membuat penyiasatan, dengan syarat di-rahsiakan, mengenai buku², akaun² dan urusan² mana² sharikat meminjam berlesen jika ia ada sebab memperchaya² bahawa sharikat meminjam berlesen itu ada-lah menjalankan perniagaan-nya dengan chara yang mendatangkan mudharat kepada kepentingan pendeposit² dan lain² siputang-nya atau tidak mempunyai aset yang cukup untuk meliputi tanggungan²-nya kepada pendeposit²-nya atau ada-lah melanggar peruntukan² Act ini.

Permintanya
AA635

Mengemukakan buku², akaun² dan suratan².

32. (1) Bagi maksud sa-suatu penyiasatan di-bawah Bahagian ini sa-sorang itu hendak-lah membenarkan Bank Negara melihat buku², akaun² dan suratan²-nya dan memberi apa² ma'alumat dan kemudahan sa-bagaimana yang di-kehendaki untuk menjalankan penyiasatan itu akan tetapi buku², akaun² dan suratan² itu tidak-lah boleh di-kehendaki di-kemukakan pada bila² masa dan di-mana² tempat yang mungkin mengganggu perjalanan yang sa-patut perniagaan biasa harian orang itu.

Lakses kepada
AA635

Dokumen-dokumen
AA635

(2) Jika apa² buku, akaun atau suratan atau ma'alumat tidak di-beri mengikut sekshen-kecil (1), maka orang itu ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit bagi tiap² hari kesalahan itu berterusan.

Lempat
AA635

(3) Bagi maksud sa-suatu penyiasatan di-bawah Bahagian ini, semua pegawai dan pekerja Bank Negara hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan. *pengkhidmat*

AA635

Tindakan oleh Bank Negara jika sharikat meminjam berlesen tidak berupaya menunaikan tanggungan² atau jika ia menjalankan perniagaan yang boleh mendatangkan mudharat kepada pendeposit², dll.

33. Jika—

(a) sa-sabuah sharikat meminjam berlesen memberitahu Bank Negara—

(i) bahawa sharikat itu berpendapat bahawa ada kemungkinan yang ia tidak akan berupaya menunaikan tanggungan²-nya; atau

(ii) bahawa ia akan menggantung pembayaran; atau

(b) sa-sabuah sharikat meminjam berlesen menjadi tidak berupaya menunaikan tanggungan²-nya

atau sharikat itu menggantungkan pembayaran;
atau

- (c) sa-lepas sa-suatu penyiasatan di-buat di-bawah Bahagian ini Bank Negara berpendapat bahawa sa-sabuah sharikat meminjam berlesen—
- (i) mungkin tidak berupaya menunaikan tanggungan²-nya atau akan menggantung pembayaran; atau
 - (ii) ada-lah menjalankan perniagaan-nya dengan sa-chara yang mendatangkan mudharat kepada kepentingan pende-posit²-nya,

maka Bank Negara boleh—

- (i) menghendaki sharikat meminjam berlesen itu serta merta mengambil apa² langkah sa-bagaimana yang di-fikirkan perlu atau mustahak oleh Bank Negara;
- (ii) melantek sa-saorang untuk menasihatkan sharikat meminjam berlesen itu tentang penjalanan perniagaan-nya yang sa-patut;
- (iii) mengambil-aleh kawalan dan menjalankan perniagaan sharikat meminjam berlesen itu; atau
- (iv) membuat suatu permohonan kepada Mahkamah Tinggi meminta Mahkamah ~~menyelesaikan uru-~~ ~~san~~ sharikat meminjam berlesen itu.

33A. ---

← menggantung
AA635
← AA635

34. Jika Bank Negara telah mengambil-aleh kawalan perniagaan sa-sabuah sharikat meminjam berlesen menurut sekshen 33, Bank Negara hendak-lah terus mengawal dan menjalankan perniagaan sharikat meminjam berlesen itu atas nama dan bagi pehak sharikat meminjam berlesen tersebut sa-hingga—

Pengawasan
sharikat
meminjam
berlesen
oleh Bank
Negara.

- (a) tanggungan² deposit sharikat meminjam berlesen itu telah di-jelaskan atau Bank Negara berpuas-hati bahawa peruntokan yang sesuai telah di-buat untuk menjelaskan tanggungan² itu; atau
- (b) Bank Negara berpendapat bahawa tidak-lah lagi perlu atau mustahak bagi Bank Negara terus mengawal perniagaan sharikat meminjam berlesen itu.

Sharikat meminjam berlesen di-bawah kawalan Bank Negara hendak-lah bekerja sama dengan Bank Negara.

35. (1) Jika Bank Negara telah mengambil-aleh kawalan perniagaan sa-sabuah sharikat meminjam berlesen menurut seksyen 33, sharikat meminjam berlesen itu hendak-lah menyerahkan perniagaan-nya kepada kawalan Bank Negara dan hendak-lah memberi kepada Bank Negara apa² kemudahan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Bank Negara untuk menjalankan perniagaan sharikat meminjam berlesen itu.

(2) Mana² sharikat meminjam berlesen yang mungkir mematohi seksyen-kecil (1) atau apa² kehendak Bank Negara menurut seksyen-kecil itu ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit bagi tiap² hari kesalahan itu berterusan.

Lemfat
AAGS

Bidangkuasa di-perluaskan supaya termasuk sharikat-pechahan bagi sharikat meminjam berlesen.

36. Apa² rujukan dalam seksyen 30 hingga 35 mengenai sa-suatu sharikat meminjam berlesen hendak-lah di-bacha sa-bagai termasuk ~~rujukan~~ mengenai sa-sabuah sharikat-pechahan kepunyaan-penoh sharikat meminjam berlesen itu.

sebutan
AAGS

Arahan² oleh Bank Negara.

37. Bank Negara boleh dari sa-masa ka-samasa mengeluarkan arahan² bertulis kepada mana² sharikat meminjam berlesen menghendaki supaya arahan itu di-laksanakan dalam sa-suatu tempoh (yang pada pendapat Bank Negara ada-lah suatu tempoh yang berpatutan) mengenai mana² pekara yang berikut—

- (a) dasar yang di-kehendak di-ikuti oleh sharikat² meminjam berlesen berhubong dengan pemberian pendahuluan² dan perluasan kemudahan² kredit termasuk maksud² kerana apa pendahuluan² di-beri atau kemudahan² kredit di-perluaskan;
- (b) kadar² bunga yang kena di-bayar kepada atau oleh sharikat² meminjam berlesen, kadar² diskaun yang di-kenakan oleh sharikat² meminjam berlesen atau kadar² kamsen dan lain² bayaran yang kena di-bayar kepada sharikat² meminjam berlesen;
- (c) rizab yang di-kehendaki di-pegang oleh tiap² sa-buah sharikat meminjam berlesen di-Bank Negara terhadap tanggungan² deposit-nya dalam Persekutuan.

L AAGS

BAHAGIAN V

PELBAGAI DAN PERALEHAN

38. (1) Bank Negara atau mana² pegawai Bank Negara tidak-lah boleh di-da'awa dalam mana² tindakan atau tuntutan oleh sa-siapa jua atau tidak-lah bertanggung kepada sa-siapa jua berkenaan dengan apa² perkara yang di-lakukan atau tidak di-lakukan dengan suchi hati pada menurut atau pada melaksanakan atau dalam pelaksanaan yang di-chadangkan atau berhubung dengan pelaksanaan atau pelaksanaan yang di-chadangkan apa² kuasa yang di-beri kepada Bank Negara atau pegawai itu oleh Act ini.

*Ademulhi
Gantirugi.*

AA635

(2) Bagi maksud² sekshen ini Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara dan mana² pengarah atau pekerja-nya dan mana² orang yang memegang apa² jawatan di-dalam-nya atau yang di-lantek oleh Bank Negara di-bawah perenggan (ii) sekshen 33 hendak-lah di-sifatkan sa-bagai sa-orang pegawai Bank Negara.

39. (1) Sa-saorang pegawai yang mengambil bahagian dalam pengurusan sa-sabuah sharikat meminjam berlesen hendak-lah terhenti memegang jawatan jika—

*Hilang
kelayakan
pegawai²
sharikat
meminjam
berlesen.
55/67.*

(a) ia melakukan suatu perbuatan kebangkrapan menurut sekshen 3 Act Kebankrapan, 1967; atau

(b) ia di-thabitkan atas—

(i) apa² kesalahan berkenaan dengan men-
nganjor, menuboh atau mengurus sa-
satu perbadanan;

(ii) apa² kesalahan berkenaan dengan tipuan
atau kechurangan yang, apabila di-
thabitkan, boleh di-kenakan hukum
penjara sa-lama tiga bulan atau lebeh;
atau

(iii) apa² kesalahan di-bawah sekshen 132 atau
303 Act Sharikat, 1965.

(2) Tiada sa-siapa jua yang telah menjadi pengarah atau telah mengambil bahagian sa-chara langsung dalam pengurusan sa-sabuah sharikat meminjam berlesen yang urusan hal ehwal-nya telah ~~di-selesaikan~~ oleh Mahkamah menurut sekshen 218 Act Sharikat, 1965 dengan tiada kuasa yang nyata daripada Mentri, boleh bertindak atau terus bertindak sa-bagai sa-orang pengarah atau boleh mengambil bahagian sa-chara tak langsung dalam pengurusan mana² sharikat meminjam berlesen.

*Adigulung
AA635*

(3) Sa-siapa jua yang bertindak dengan melanggar sekshen-kechil (1) atau (2) ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada ~~lima~~ ^{dua puluh} ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada tiga tahun atau kedua²-nya.

dua puluh
AA635

Pengarah,
Pengurus
bertang-
gongjawab
atas
pematohan
Act.

40. (1) Sa-siapa jua, sa-bagai pengarah atau pengurus sa-sabuah sharikat meminjam berlesen—

- (a) mungkir mengambil langkah² yang menasabah untok menentukan bahawa kehendak² Act ini di-patohi oleh sharikat meminjam berlesen; atau
- (b) mungkir mengambil langkah² yang menasabah untok memastikan kebenaran apa² pernyataan yang di-kemukakan di-bawah peruntokan² Act ini,

ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada ~~lima~~ ^{dua puluh} ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada tiga tahun atau kedua²-nya.

AA635

(2) Dalam apa² ^{prosidang} ~~langkah~~ pembicaraan terhadap sa-sorang di-bawah sekshen-kechil (1) maka ada-lah menjadi suatu pembelaan membuktikan bahawa ia ada alasan² yang menasabah bagi memperchayai bahawa—

- (a) (i) sa-orang lain dalam sharikat meminjam berlesen itu telah di-pertanggungkan dengan kewajipan untok menentukan bahawa kehendak² Act ini di-patohi; atau
- (ii) sa-orang lain telah di-pertanggungkan dengan kewajipan untok memastikan bahawa pernyataan² itu ada-lah benar, dan
- (b) keadaan orang lain itu membolehkan-nya menunaikan kewajipan itu dengan layak-nya.

Kesalahan²
oleh per-
badanan:
pegawai²
di-sifatkan
sa-bagai
melakukan
kesalahan.

41. Jika apa² kesalahan di-bawah Act ini telah di-lakukan oleh mana² perbadanan (sama ada atau tidak perbadanan itu telah di-da'awa), sa-siapa jua yang pada masa kesalahan itu di-lakukan ada-lah pegawai yang mengambil bahagian dalam pengurusan perbadanan itu dalam Persekutuan atau yang berupa sa-bagai bertindak atas jawatan saperti itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah melakukan kesalahan itu melainkan jika ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah di-lakukan dengan tiada persetujuan-nya atau dengan tidak setahu-nya dan bahawa ia telah menjalankan segala usaha yang sa-patut di-jalankan-nya untok mengelakkan

kesalahan itu daripada di-lakukan dengan memandang kapada jenis ~~tugas~~²-nya dalam jawatan itu dan kapada segala keadaan hal itu.

Lungsut-lungsunya
AA635

42. Jika ejen atau pengkhidmat sa-saorang (di-bawah ini di-sebut "prinsipal") melakukan atau tidak melakukan apa² perkara (yang jika sa-kira-nya di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh prinsipal boleh menjadi suatu kesalahan di-bawah Act ini) prinsipal itu hendak-lah, walau pun ia tidak tahu menahu tentang kesalahan itu (dan dengan terta'alok kapada perenggan (b) ia-itu mengenai perenggan itu), di-sifatkan sa-bagai melakukan kesalahan itu dan boleh-lah di-kenakan penjara bagi kesalahan itu jika—

Prinsipal bertanggung dari segi jenayah atas perbuatan pengkhidmat atau ejen.

- (a) perbuatan atau ketinggalan yang di-adukan itu termasuk dalam bidang biasa kerja ejen atau pengkhidmat itu; atau
- (b) prinsipal telah membenarkan atau kemudian-nya mengesahkan perbuatan atau ketinggalan yang di-adukan itu walau pun perbuatan atau ketinggalan itu tidak termasuk dalam bidang biasa kerja ejen atau pengkhidmat itu.

43. Sa-siapa yang melanggar atau mungkir mematohi mana² peruntokan Act ini yang bagi-nya tiada apa² penalti di-peruntokkan dengan nyata-nya ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan denda tidak lebih daripada ~~dua~~^{lima} ribu ringgit.

Penalti bagi kesalahan² yang tidak ada di-buat peruntokan.

44. (1) Walau apa pun peruntokan mana² undang² bertulis yang berlawanan, Mahkamah Seshen ada-lah berkuasa membicharakan apa² kesalahan terhadap Act ini dan mengenakan penalti yang sa-penoh yang di-tetapkan bagi-nya.

Bidang-kuasa.

(2) Dalam sekshen ini ~~perbahasaan~~^{ungkapan} "Mahkamah Seshen" termasuk-lah Mahkamah Mejiسترet Kelas Satu bagi Sabah dan Sarawak.

AA635

45. Bank Negara boleh dengan kelulusan Mentri membuat apa² peratoran untuk melaksanakan tujuan² Act ini.

Peratoran.

46. Orang² yang berikut ada-lah di-kechualikan daripada peruntokan² Act ini—

Pengechualian.

- (a) mana² bank;
- (b) mana² bank simpanan pejabat pos yang di-tubuhkan di-bawah peruntokan mana² undang² bertulis yang berkuatkuasa dalam Persekutuan berhubung dengan bank simpanan pejabat pos;

AAGS

↳ 'koperasi-koperasi'
AAGS

- (c) mana² ^{koperasi} ~~sharikat~~ kerjasama yang di-daftarkan di-bawah mana² undang² bertulis yang berkuatkuasa dalam Persekutuan berhubung dengan ~~sharikat~~ kerjasama;
- (d) apa² perniagaan pajak gadai yang di-jalankan oleh mana² orang yang di-beri lesen di-bawah mana² undang² bertulis yang berkuatkuasa dalam Persekutuan berhubung dengan pajak gadai; atau
- (e) mana² orang yang di-benarkan di-bawah mana² undang² bertulis yang berkuatkuasa dalam Persekutuan untok menjalankan perniagaan meminjam.

Perbadanan², dsb., boleh menjalankan perniagaan meminjam dengan tiada berlesen dalam tempoh peralihan.

47. (1) Walau apa pun yang berlawanan dalam Act ini, akan tetapi terta'alok kepada sekshen-kecil (4) sekshen 7, sekshen 46 dan sekshen ini, mana² perbadanan atau firma yang menjalankan perniagaan meminjam apabila Act ini mula berkuatkuasa ada-lah di-benarkan berbuat demikian—

- (a) bagi suatu tempoh tidak lebeh daripada enam bulan; atau
- (b) bagi suatu tempoh atau tempoh² sa-lanjut-nya sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Mentri melalui notis bertulis kepada orang itu.

(2) Jika mana² perbadanan atau firma di-benarkan menjalankan perniagaan sa-sabuaah sharikat meminjam di-bawah sekshen-kecil (1) maka hendak-lah ia—

- (a) jika sa-kira-nya ia sa-buaah sharikat awam—
- (i) memohon suatu lesen dalam tempoh satu bulan sa-lepas Act ini mula berkuatkuasa; atau
- (ii) jika ia tidak hendak meneruskan perniagaan meminjam, mengambil langkah² untok menamatkan perniagaan itu sa-belum habis tempoh yang berkaitan yang di-rujok dalam sekshen-kecil (1), dan
- (b) jika sa-kira-nya ia sa-buaah sharikat asing atau sa-buaah firma, dan tidak hendak meneruskan perniagaan meminjam, mengambil langkah² untok menamatkan perniagaan itu sa-belum habis tempoh yang berkaitan yang di-rujok dalam sekshen-kecil (1) atau mengambil langkah² untok mematuhi peruntukan² sekshen 3 dan sekshen ini.

(3) Jika menurut seksyen-kecil (2) sa-sabua perbadanan atau firma mungkir mematohi kehendak² seksyen-kecil itu ia hendak-lah menjelaskan tanggongan² deposit-nya dalam tempoh satu bulan dari tarikh tanggongan² deposit itu kena di-jelaskan dan hendak-lah memberi suatu akaun bulanan mengenai penjelasan itu kepada Bank Negara.

(4) Bagi maksud² seksyen ini dan seksyen 48 "firma" termasuk-lah ~~sa-orang manusia persaoangan~~ yang di-daftarkan di-bawah mana² undang² bertulis yang berkuatkuasa dalam Persekutuan berhubung dengan pendaftaran nama² perniagaan.

*Lorong sebenar dan individu
AA635

48. Tiap² perbadanan atau firma yang menjalankan perniagaan meminjam apabila Act ini mula berkuatkuasa hendak-lah dalam tempoh satu bulan dari tarikh itu memberi butir² yang berikut kepada Bank Negara—

Perbadanan², dsb., hendak-lah memberi ma'lumat apabila Act mula berkuatkuasa.

- (a) nama perbadanan atau firma;
- (b) 'alamat pejabat berdaftar dan lain² pejabat atau tempat perniagaan perbadanan itu dan 'alamat pejabat utama dan lain² pejabat atau tempat perniagaan firma dan jika firma itu ada satu pejabat sahaja, 'alamat pejabat itu;
- (c) nama dan 'alamat pengarah² perbadanan atau kongsi² firma;
- (d) modal perbadanan yang telah di-bayar atau modal yang di-charum oleh ~~kongsi²~~ untuk perkongsian itu dari sa-masa ka-samasa; dan
- (e) ~~banyak-nya~~ ^{aman} tanggongan deposit perbadanan atau firma.

↳ perkongsi-perkongsi
AA635

AA635

49. Peruntokan² Act ini tidak boleh menyentoh peruntokan² Act Sharikat, 1965, tetapi jika sa-kira-nya ada sa-suatu ~~pertelingkahan~~ di-antara Act itu dengan Act ini maka peruntokan² Act ini hendak-lah di-pakai (melainkan jika Act ini memperuntokkan sa-lain-nya) berhubung dengan perniagaan meminjam.

Act ini hendak-lah di-pakai.

↳ perancangan
AA635

50. Act Sharikat, 1965, sa-takat mana di-nyatakan sa-bagai di-pinda dalam Jadual Kedua, ada-lah dengan ini di-pinda sa-wajar-nya.

Pindaan Act Sharikat, 1965.

JADUAL PERTAMA

[Sekshen 9 (1)]

Sub. by:
fu(B) 697/76

Jenis Bayaran	Kadar
(a) Bayaran lesen apabila di-beri lesen	\$1,000
(b) Bayaran lesen tahunan	1,000
(c) Bayaran apabila di-tubuhkan tiap ² satu pejabat atau tempat perniagaan yang lain daripada tempat perniagaan utama	200
(d) Bayaran tahunan bagi tiap ² satu pejabat atau tempat perniagaan yang lain daripada tempat perniagaan utama	200

JADUAL KEDUA

ACT SHARIKAT, 1965

Sekshen Act	Takat Pindaan
217 (1) (f) ...	Gantikan perkataan "Minister charged with the responsibility for finance" dengan perkataan "Central Bank".
217 (1) ...	Masukkan perenggan baharu yang berikut: "(g) in the case of a borrowing company licensed under the Borrowing Companies Act, 1969, the Central Bank;".